

[UNAUTHORIZED MARRIAGE: AN ANALYSIS OF CASES IN THE SYARIAH SUBORDINATE COURT AT PEKAN, PAHANG]

PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN: ANALISIS KES DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PEKAN, PAHANG

NUR HIDAYAH ABDUL KARIM¹
SITI HAJAR ABDUL RAUF^{2*}

¹ Pusat Pengajian Antropologi dan Dakwah, Fakulti Sains Sosial Gunaan,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

² Pusat Pengajian Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

*Corresponding Author: hajarrauf@unisza.edu.my

Received Date: 18 October 2018 • Accepted Date: 28 November 2020

Abstract

This study is about unauthorized marriages in the Pekan Syariah Subordinate Court, Pahang. The analysis was conducted on unauthorized divorce cases from 2012 to 2016. Besides the document analysis, the interviews were conducted with the informants involved. In general, unauthorized marriages occur due to several factors; due to parental barriers, polygamy, married to foreigners, pre-arranged and so on. These marriages have caused many problems such as not being able to claim the right to marriage, not being able to register children, being accused of retirements, straining family relationships, being in the public and being subject to legal action.

Keywords: Marriage, Unauthorized Marriage, Syariah Subordinate Court, polygamy, foreigners.

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai perkahwinan tanpa kebenaran di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang. Analisis dilakukan terhadap kes penceraian tanpa kebenaran dari tahun 2012 hingga 2016. Pada masa yang sama temu bual turut dilakukan terhadap informan yang terlibat. Secara keseluruhannya perkahwinan tanpa kebenaran berlaku disebabkan oleh beberapa faktor; antaranya ialah halangan ibu bapa, poligami, berkahwin dengan rakyat asing, sudah terlanjur dan sebagainya. Perkahwinan yang berlaku ini telah menimbulkan banyak permasalahan seperti tidak boleh menuntut hak dalam perkahwinan, tidak boleh mendaftar anak, boleh dituduh khalwat, merenggangkan hubungan kekeluargaan, masyarakat memandang serong dan dikenakan tindakan undang-undang.

Kata kunci: Perkahwinan tanpa Kebenaran, mahkamah rendah syariah, poligami, rakyat asing

Cite as: Nur Hidayah Abdul Karim & Siti Hajar Abdul Rauf. 2020. Perkahwinan tanpa kebenaran: Analisis kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 101-112.

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan satu fitrah semulajadi yang dilalui oleh setiap manusia. Perkahwinan juga merupakan fasa kehidupan yang sangat dituntut oleh Islam, yang mana perkahwinan yang sempurna melahirkan generasi yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Pembentukan rumah tangga dalam Islam adalah merupakan sebahagian daripada elemen penting ke arah pembentukan masyarakat harmoni berlandaskan hukum syarak. Islam mensyariatkan perkahwinan dengan tujuan untuk memelihara manusia itu satu kehidupan yang sihat serta sesuai dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri.

Islam sangat mengambil berat tentang kehidupan dalam rumah tangga dan keluarga. Al-Quran dan Sunnah telah meletakkan panduan dan garis panduan yang perlu diikuti. Undang-Undang Keluarga Islam di negeri Pahang memperincikan hukum-hukum kekeluargaan bermula dengan pertunangan, perkahwinan, wali, akad nikah, saksi, hak dan tanggungjawab dalam ikatan perkahwinan sehingga kepada pembubaran perkahwinan, nafkah, iddah dan hadanah (Abdul Monir, 2006).

Di samping itu, urusan pernikahan juga merupakan sebahagian daripada urusan agama yang termasuk di dalam bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia seperti yang telah diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan Senarai 2 Perlembagaan Negeri yang mana telah menyebut pentadbiran urusan agama diletakkan dibawah bidangkuasa setiap negeri. Peruntukan tersebut menjelaskan tentang pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam (selepas ini dirujuk sebagai UUKI) yang dibuat berdasarkan kemampuan, pengetahuan, pengalaman dan kedudukan kewangan pihak berkuasa negeri. Perundangan sebegini begitu indah diatur oleh Allah SWT demi kemaslahatan manusia keseluruhannya. Pengabaian kepada peraturan yang ditetapkan boleh mendatangkan kepincangan dan sengketa dalam rumah tangga.

TINJAUAN LITERATUR

Perkahwinan luar negara tanpa kebenaran khususnya di Thailand yang melibatkan rakyat Malaysia semakin bertambah dari tahun ke tahun. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti sebab-sebab mengapa terlalu ramai pasangan Islam di Malaysia berkahwin di Selatan Thailand, khususnya di negeri-negeri yang bersempadan iaitu Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan. Kajian juga perlu dilakukan bagi mengkaji kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud dalam Enakmen dan Akta Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia.

Sekiranya diperhatikan kepada penulisan dan kajian mengenai perkahwinan di Malaysia, kebanyakannya tertumpu kepada topik kahwin lari sepetimana yang dijelaskan oleh Mahamad Arifin. ‘Kahwin lari’ bermaksud perkahwinan yang tidak mengikut Akta atau Enakmen UUKI dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin. Penulisan-penulisan tersebut telah

mula membincangkan isu-isu kahwin lari dengan lebih kritis dan komprehensif terutama dalam menganalisis isu-isu berbangkit seperti kedudukan kahwin lari, faktor-faktor berlakunya kahwin lari, implikasi kahwin lari, kesalahan dan penalti serta cadangan untuk mengurangkan kes kahwin lari ini.

Tambahan lagi, penulisan-penulisan tersebut menunjukkan bahawa setiap negara mempunyai peruntukan UUKI masing-masing yang mengandungi perkara mengenai pendaftaran perkahwinan, syarat, prosedur, kelayakan dan keperluan perkahwinan. Sekiranya setiap pasangan gagal untuk mendaftarkan perkahwinan mereka, maka hak-hak mereka juga terlucut dari proses perundangan.

Menurut kajian Noraini, 2003; Rahimin Affandi, Paizah Ismail, Norhayati Mohd, 2008 Ahmad Ibrahim, 1999; Abu Bakar Ahmad, 2006, dan Wan Ab. Rahman Khudri, 1996, selain memenuhi tuntutan agama Islam, seseorang yang ingin berkahwin perlulah mengikut keperluan yang ditetapkan oleh UUKI di Malaysia. Keperluan yang dimaksudkan adalah termasuk had umur minima bagi lelaki dan perempuan untuk berkahwin, persetujuan pengantin perempuan, mas kahwin dan pendaftaran. Ini kerana, setiap keperluan ini mempunyai tujuan dan kepentingan dalam perkahwinan menurut UUKI.

Peruntukan yang ada di dalam akta atau enakmen negeri-negeri ini adalah untuk memastikan setiap perkahwinan yang dilakukan sama ada dalam negeri maupun di luar negeri itu adalah sah mengikut syarak dan perundangan Malaysia. Dengan ketetapan itu juga, perkahwinan luar negeri boleh direkodkan dan didaftarkan di bawah UUKI. Tambahan pula pendaftaran perkahwinan ini penting untuk pengadilan hukum dalam persoalan harta, penjagaan anak, perwalian dalam perkahwinan. Malahan ianya memberi kepentingan kepada negara dari aspek membantu pemerintah dalam merancang pembangunan yang tepat melalui rekod kelahiran, perkahwinan, pekerjaan dan sebagainya.

PENDEKATAN TEORI

Teori yang digunakan bagi kajian ini adalah Teori pilihan rasional (*Rational Choice Theory*) sering pula disebut sebagai teori tindakan rasional (*Rational Action Theory*). Menurut Friedman dan Hechter (1988), teori yang disebut model "kerangka" teori pilihan rasional memusatkan perhatian pada pelakon. Pelakon dipandang sebagai manusia yang mempunyai tujuan dan tindakannya tertumpu pada usaha mencapai matlamat itu. Teori ini memberi perhatian kepada dua pemakasa utama tindakan pelakon. Yang pertama adalah keterbatasan sumber. Seseorang pelakon mempunyai sumber yang berbeza dan akses yang berbeza terhadap sumber-sumber yang lain. Di dalam kekurangan sumber adalah idea tentang kos kesempatan. Dalam mencapai suatu tujuan, pelakon perlu memberi perhatian kepada kos yang perlu dikeluarkan untuk tindakan yang terpenting selanjutnya.

Pelakon boleh memilih untuk tidak mengejar matlamat paling bernilai jika sumber kuasa yang dimilikinya, dikira tidak dapat mencapai hal tersebut, yang membuat peluang untuk mencapai matlamat itu begitu tipis, dan justeru membahayakan peluang untuk mencapai tujuan lain yang lebih bernilai. Pelakon dipandang sentiasa berusaha memaksimumkan keuntungan mereka. Yang kedua adalah, lembaga sosial. Halangan institusi yang menyediakan baik hukuman positif dan hukuman negatif yang membantu mendorong pelakon untuk melakukan tindakan tertentu dan menghindarkan tindakan yang lain. Teori ini diaplikasikan oleh

penyelidik ke dalam kajian untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran atau ‘kahwin lari’ di Daerah Pekan, Pahang.

DEFINISI PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Perkahwinan tanpa kebenaran bermaksud perkahwinan yang biasanya diakadkan oleh Wali Hakim serta melanggar Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan. Di samping itu, perkahwinan ini juga tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk (NCR) mukim yang berkenaan. Perkahwinan ini juga tidak semestinya dilakukan di luar negara yang berjiran, tetapi juga mungkin juga melalui perkahwinan sindiket yang dilakukan di daerah itu sendiri tanpa kebenaran wali dan juga Pendaftar NCR (Noraini, 2003). Perkahwinan yang dilaksanakan secara sindiket lantas diistilahkan sebagai nikah sindiket (Intan Nadia, Hasnizam, Haliza dan Nabilah, 2012). Namun begitu, ada juga yang mengkategorikannya sebagai kahwin lari (Mahamad Ariffin, 2007).

Seterusnya, kahwin lari juga didefinisikan sebagai pernikahan antara lelaki dan wanita yang biasanya suka sama suka yang dilakukan di tempat lain tanpa disaksikan atau direstui oleh keluarga (Kamus Dewan, 1998). Definisi yang dikemukakan oleh Kamus Dewan di mana frasa ‘tanpa disaksikan’ itu bermaksud tiada ahli keluarga yang menghadiri perkahwinan tersebut. Ini adalah kerana penyaksian saksi dalam akad nikah adalah rukun dan mesti ada dalam akad nikah. Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran atau kahwin lari ini mesti mempunyai ciri-ciri yang berikut :

1. Tidak mengikuti Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam
2. Tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk mukim terbabit
3. Tidak semestinya berlaku di luar negara

Sebagai contohnya, perkahwinan yang dilakukan di luar Negara seperti Thailand, Indonesia dan India. Perkahwinan ini telah dilakukan tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai Dan Rujuk (NCR) yang dilantik di bawah Seksyen 28. Perkahwinan tersebut telah diakadnikahkan oleh jurunikah di negara tersebut yang mana tidak dipastikan sama ada ianya diiktiraf oleh Undang-undang ataupun sebaliknya. Di negeri Perlis, dianggarkan seramai 50 ejen nikah Thailand telah bergiat aktif menjalankan kegiatan tersebut terutamanya di kawasan Padang Besar. Seramai 40 orang daripada ejen-ejen tersebut merupakan penjawat awam manakala yang selebihnya adalah orang perseorangan. Ejen-ejen ini telah membawa pasangan berkenaan untuk bernikah di Klongget, Padang Besar dan Sadao yang terletak dalam Wilayah Songkhla di selatan Negara Thailand (Utusan Malaysia, 2007).

KEDUDUKAN PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (PAHANG DARUL MAKMUR) 2005

Kedudukan dari segi undang-undang membawa maksud kedudukan dari segi Enakmen dan Undang-Undang Keluarga Islam yang telah berkuatkuasa di Negeri Pahang. Justeru, antara peruntukkan kes perkahwinan tanpa kebenaran di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga

Islam (Pahang Darul Makmur) 2005 ialah:

1. Perkahwinan jenis ini adalah salah dari segi Undang-undang Keluarga Islam dan apabila dirujuk kepada Mahkamah Syariah, maka pasangan tersebut akan didenda tidak melebihi RM 1000.00 atau 6 bulan penjara atau kedua-dua nya sekali (Seksyen 12(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pahang Darul Makmur)2005).
2. Pengiktirafan oleh Enakmen dan Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri Pahang.

KEDUDUKAN PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DARI SUDUT HUKUM SYARAK

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah memutuskan bahawa hukum pernikahan di luar negara adalah sah dengan syarat :

1. Pernikahan itu mengikut rukun nikah.
2. Pernikahan itu melebihi dua marhalah.
3. Tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin atas alasan syarat tempat dia bermastautin.
4. Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diakadnikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditaliahkan sebagai wali hakim.

Perkara yang serupa telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan bahawa berdasarkan kitab *Bughyat al-Mustarshidin* telah sepakat membuat keputusan bahawa kahwin lari itu sah berdasarkan syarat-syarat yang berikut;

1. Hukum kahwin lari sah, sekiranya jarak antara tempat tinggal wali nasab kepada pengantin perempuan dengan tempat dilangsungkan akad perkahwinan tersebut melebihi dua marhalah, iaitu dalam ukuran jarak melebihi 60 batu atau 96 kilometer menurut ukuran jumhur ulama sekarang. Oleh itu, menurut Majlis Fatwa dan Mufti negeri tersebut, mana-mana perkahwinan atau kahwin lari tidak sah sekiranya jarak tersebut tidak mencukupi dan perkahwinan antara mereka mestilah diakadkan oleh wali nasab sekiranya wali nasab itu masih ada.
2. Pasangan pengantin lelaki tersebut adalah sekufu menurut konteks Islam dengan perempuan yang akan dikahwininya.
3. Pasangan tersebut khasnya pengantin lelaki mestilah orang yang berpegang kepada agama dan menghayati ajaran Islam.
4. Pengantin lelaki mampu untuk membelanjakan harta sendiri.
5. Pengantin lelaki mestilah cukup umur dan mukallaf.
6. Tidak gila.
7. Pengantin lelaki dan perempuan mestilah cerdik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif dan merupakan satu kajian perundangan. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaiannya kaedah secara terfokus, termasuk menggunakan pendekatan semula jadi untuk menyelidik sesuatu subjek (Denzin dan Lincoln, 1994). Menurut Chariri (2009), terdapat 3 kaedah mendapatkan data di dalam kajian kualitatif; iaitu temu bual, pemerhatian dan kajian rekod dokumen. Untuk kajian ini, pengkaji telah menemubual 2 pegawai yang mempunyai kaitan dan bidang kuasa di dalam kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran; iaitu Penolong Pegawai Syariah di MRS Pekan dan Pendaftar NCR di Pejabat Agama Islam Daerah Pekan.

Kajian ini juga menggunakan kaedah kajian analisis kandungan dan kritis, kajian perpustakaan. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul dan mengenal pasti bahan bacaan yang berkaitan dengan isu perwalian dan perkahwinan tanpa kebenaran menurut agama Islam dan UUKI yang diketengahkan di dalam artikel ini seperti jurnal, artikel, kertas prosiding, buku-buku, dan manual proses permohonan pendaftaran nikah. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti data-data berkaitan kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran di dalam Islam serta peruntukannya dalam UUKI di Malaysia khususnya di Negeri Pahang. Pada masa yang sama, Teks al-Quran dan al-Hadith juga digunakan sebagai rujukan dalam kajian ini. Metod ini digunakan untuk mendapatkan semua maklumat yang berkaitan dalam kajian ini. Bahan ini termasuklah bahan secara bertulis seperti risalah, artikel, fail-fail kes dan statistik yang telah dibicarakan di MRS Pekan atau bahan-bahan yang mempunyai maklumat yang berkaitan dengan kajian.

Prosedur Analisis Data

Menganalisis semasa mengumpul data boleh dijadikan panduan kepada penyelidik untuk pengumpulan data yang seterusnya malah sekaligus dapat membantu penyelidik untuk melakukan pindaan dan penambahbaikan sekiranya terdapat dalam panduan soalan tersebut. Data dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan teknik analisis kandungan dokumen yang membawa kepada tema yang berkaitan serta mampu mencapai objektif yang ingin dicapai dalam kajian.

Kaedah Analisis Dokumen

Kaedah analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009). Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Fail-fail kes yang dianalisis membantu pengkaji untuk memperolehi maklumat berkenaan kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran yang dibicarakan di Mahkamah Syariah di Negeri Pahang. Dalam

menganalisis data-data yang diperoleh, pengkaji telah menggunakan beberapa metod deduktif dan metod komparatif.

Metod deduktif menjelaskan tentang proses penganalisaan berdasarkan data-data untuk mencari hasil pembuktian yang bersifat khusus untuk mencapai satu kesimpulan yang bersifat umum. Pengkaji mengumpul maklumat melalui kes dan menjelaskan data yang diperolehi. Manakala, metod komparatif pula digunakan oleh pengkaji untuk membuat kesimpulan melalui perbandingan kes-kes yang telah diputuskan dengan melihat statistik perkahwinan tanpa kebenaran. Kes-kes yang diputuskan memberi gambaran terhadap implikasi tidak mengikuti prosedur perkahwinan yang telah ditetapkan.

ANALISIS PROFIL KES PERMOHONAN PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PEKAN, PAHANG

Jadual 1 menunjukkan statistik kes permohonan perkahwinan tanpa kebenaran yang difaiklan di Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Pahang dari tahun 2012 sehingga tahun 2016. Berdasarkan statistik tersebut, sebanyak 1863 kes permohonan kes telah didaftarkan dalam tempoh tersebut. Tahun 2016 telah mencatatkan jumlah terbesar dengan 778 kes yang didaftarkan dan diikuti oleh tahun 2015 dengan 332 kes. Seterusnya, sebanyak 321 kes telah didaftarkan pada tahun 2014, manakala 255 kes telah didaftarkan pada tahun 2013 dan 177 kes paling sedikit didaftarkan pada tahun 2012.

**Jadual 1 Statistik Permohonan Kes-kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran
di Mahkamah Syariah Negeri Pahang.**

Bil.	Tahun	Bilangan Kes Yang Didaftarkan
1.	2012	177
2.	2013	255
3.	2014	321
4.	2015	332
5.	2016	778
Jumlah Kes		1863

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang, Berdasarkan Statistik Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran, Pahang Darul Makmur, Tahun 2012 Hingga Mac 2017.

Analisis Umur Pasangan yang Terlibat dengan Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, umur pasangan adalah merujuk kepada umur pasangan semasa permohonan ini difaiklan di Mahkamah Syariah. Merujuk kepada 25 sampel kes permohonan; iaitu melibatkan 25 pasangan yang meliputi seramai 50 orang individu iaitu pihak plaintiff dan defendant. Berdasarkan dapatan ini, kajian menunjukkan bahawa sebanyak 60% atau 30 plaintiff atau defendant yang berumur antara 21 hingga 40 tahun adalah golongan majoriti yang terlibat dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran. Manakala plaintiff atau defendant yang berumur antara 41 tahun hingga 60 tahun adalah golongan yang kedua iaitu sebanyak 34% atau

seramai 17 orang. Bagi kadar umur 20 tahun ke bawah pula, plaintiff atau defendant yang terlibat adalah sebanyak 4% iaitu melibatkan dua orang individu sahaja. Manakala yang selebihnya adalah plaintiff atau defendant yang berumur 60 tahun ke atas iaitu sebanyak 2% atau 1 orang individu sahaja yang terlibat dengan kes perkahwinan tanpa kebenaran.

Jadual 2: Taburan Mengikut Umur Pasangan yang Terlibat dengan Permohonan Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Bil.	Umur	Frekuensi	Peratus (%)
1.	20 tahun ke bawah	2	4
2.	21 tahun – 40 tahun	30	60
3.	41 tahun – 60 tahun	17	34
4.	61 tahun – 80 tahun	1	2
	Jumlah	50	100

Analisis Status Pasangan yang Terlibat dengan Permohonan Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Jadual 3 di bawah pula menunjukkan taburan status pasangan semasa bernikah di luar negara. Analisis ini juga merujuk kepada 25 sampel kes permohonan iaitu melibatkan 25 pasangan yang meliputi seramai 50 orang individu iaitu pihak plaintiff dan defendant. Merujuk kepada Jadual ini, status teruna mencatat jumlah yang tertinggi iaitu seramai 18 orang. Manakala jumlah kedua tertinggi ialah status anak dara iaitu seramai 16 orang diikuti status janda atau balu iaitu seramai 9 orang. Manakala status duda pula adalah seramai 6 orang dan status suami orang adalah seramai 1 orang. Manakala status isteri orang pula tidak terlibat dengan kes ini.

Jadual 3: Taburan Status Pasangan yang Terlibat dengan Permohonan Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Bil.	Status Pasangan	Frekuensi
1.	Teruna	18
2.	Dara	16
3.	Duda	6
4.	Janda/Balu	9
5.	Suami Orang	1
6.	Isteri Orang	0
	Jumlah	50

Analisis Status Permohonan Pendaftaran Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Jadual 4 pula menunjukkan taburan kes permohonan berdasarkan 25 sampel kes yang telah dikaji. Berdasarkan sampel kes yang telah dipilih, didapati sejumlah 20 kes telah diluluskan manakala 1 kes ditolak dan 4 kes telah dibatalkan atau ditutup oleh Mahkamah Syariah.

Jadual 4 Taburan Status Permohonan Pendaftaran Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Bil	Keputusan Permohonan	Frekuensi
1.	Diluluskan	20
2.	Ditolak	1
3.	Dibatalkan	4
	Jumlah	25

Analisis Lokasi Pernikahan Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Jadual 5 di bawah pula menunjukkan taburan kes mengikut lokasi pernikahan berdasarkan 25 sampel kes yang telah dikaji. Didapati 12 kes perkahwinan tanpa kebenaran berlaku di Narathiwat, Thailand diikuti Pattani, Thailand iaitu sebanyak 4 kes. Manakala lokasi pernikahan di Kemboja dan Pakistan mencatat jumlah yang sama iaitu sebanyak 3 kes. Pakistan, India dan Indonesia pula mencatat jumlah yang sama iaitu jumlah kes yang paling sedikit sebanyak 1 kes perkahwinan tanpa kebenaran.

Jadual 5: Taburan Lokasi Pernikahan Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Bil	Lokasi Pernikahan	Kes
1.	Narathiwat, Thailand	12
2.	Pattani, Thailand	4
3.	Pakistan	3
4.	India	1
5.	Kemboja	3
6.	Myanmar	1
7.	Indonesia	1
	Jumlah	25

Analisis Persetujuan Wali Bagi Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Jadual 6 di bawah pula menunjukkan taburan kes mengikut persetujuan wali berdasarkan 25 sampel kes yang telah dikaji. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti wali bersetuju untuk mewalikan perkahwinan tanpa kebenaran dengan mencatat jumlah sebanyak 64% atau 16 kes. Manakala wali yang tidak bersetuju untuk mewalikan pernikahan adalah sebanyak 36% atau 9 kes perkahwinan tanpa kebenaran.

Jadual 6: Taburan Persetujuan Wali Bagi Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran.

Bil	Persetujuan Wali	Bilangan Kes	Peratus (%)
1.	Setuju	16	64
2.	Tidak Setuju	9	36
	Jumlah	25	100

Analisis Pernikahan Dengan Warga Asing Bagi Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran.

Jadual 7 di bawah pula menunjukkan taburan kes mengikut pernikahan dengan warga asing berdasarkan 25 sampel kes yang telah dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti kes perkahwinan tanpa kebenaran adalah pernikahan dengan warga asing iaitu mencatat jumlah sebanyak 72% atau 18 kes. Manakala pernikahan sesama negara Malaysia adalah sebanyak 28% atau 7 kes.

Jadual 7: Taburan Pernikahan dengan Warga Asing bagi Kes Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Bil.	Perkara	Bilangan Kes	Peratus (%)
1.	Pernikahan sesama warganegara (Malaysia)	7	28
2.	Pernikahan dengan warga asing	18	72
	Jumlah	25	100

DAPATAN KAJIAN BERDASARKAN TEMU BUAL YANG DIJALANKAN

Setelah analisis dokumen terhadap 25 fail kes perkahwinan tanpa kebenaran di MRS Pekan dilaksanakan, pengkaji menemubual kakitangan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan kes perkahwinan tanpa kebenaran. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang efektif dan diyakini kesihihan maklumat yang diperolehi kerana maklumat yang diperolehi adalah secara langsung, tepat dan jelas mengenai kajian ini. Responden kajian yang dipilih dalam kajian ini adalah merupakan seorang Penolong Pegawai Syariah di MRS Pekan. Berdasarkan temubual dengan informan kajian; iaitu Ustaz Abdul Hafiz, beliau menyatakan bahawa faktor utama berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran di MRS Pekan adalah faktor wali enggan (tidak bersetuju untuk mewalikan perkahwinan), keluarga pihak lelaki atau perempuan yang tidak bersetuju, diikuti dengan faktor poligami serta prosedur perkahwinan yang menyukarkan pasangan. Menurut beliau:

“...Memandangkan kes pengesahan nikah ini dikatakan bermasalah, saya rasa isu pertama yang menyebabkan berlakunya kahwin lari ini ialah banyak berlakunya kes dimana wali enggan mewalikan pernikahan anak mereka. Oleh itu pasangan ini ambil jalan mudah untuk bernikah di Thailand sebab nak mengelak prosedur untuk permohonan wali hakim dan turun naik ke mahkamah untuk perbicaraan tuntutan wali enggan. Lepas tu isu kedua berlakunya kes ini adalah disebabkan keluarga pihak lelaki atau perempuan yang tidak bersetuju dengan perkahwinan tersebut. Diikuti faktor suami yang berkahwin lebih daripada satu ataupun poligami. Faktor yang lain seperti prosedur perkahwinan yang susah seperti wali takdekat ataupun proses permohonan yang terlalu lambat...” (Temubual di MRS Pekan, Informan 1)

KESIMPULAN

Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat isu perkahwinan tanpa kebenaran di MRS Pekan yang semakin meningkat saban tahun. Pendekatan teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Pilihan Rasional (*Rational Action Theory*). Pengkaji mendapati bahawa perkahwinan tanpa kebenaran berlaku adalah kerana desakan pasangan untuk membuat keputusan rasional adalah disebabkan halangan-halangan perkahwinan yang mendorong mereka mengambil keputusan untuk bernikah di luar negara tanpa memikirkan implikasi akan datang tetapi hanya ingin mendapatkan perkahwinan yang sah semata-mata. Justeru, perkara ini menunjukkan bahawa pendekatan teori ini sesuai digunakan dalam kajian ini.

Oleh itu, isu perkahwinan tanpa kebenaran ini tidak boleh dipandang ringan. Isu ini memberi kesan secara langsung kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, langkah perundungan adalah salah satu kaedah yang boleh diperkemaskan. Dengan kurangnya keberkesanan hukuman dalam bentuk lazim seperti denda ataupun penjara, maka pendekatan lain amat wajar dipraktikkan untuk menangani kes-kes sedemikian dari terus bertambah dari tahun ke tahun dan menimbulkan masalah-masalah hiliran yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. (2006). *Perundangan Islam : era kemajuan fiqh dan kelahiran mahzab*. Petaling Jaya: MPH Group Pub.
- Abu Bakar Ahmad. (2006). Kaedah Pendaftaran Nikah Luar Negeri Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan,” *Jurnal Hukum* 21, 2
- Ahmad Ibrahim. (1999). Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia. *Malayan Law Journal Sdn Bhd*.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- Chariri, Anis (2009) Landasan Filsafat Dan Metode Penelitian Kualitatif. Discussion Paper. Fakultas Ekonomi Universitas Diponegoro Semarang
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (1994). Introduction: Entering the field of qualitative research. In NK Denzin and YS Lincoln (Eds.) *Handbook of Qualitative Research* (pp. 1-17). Thousand Oaks: Sage Publications
- Friedman, D., & Hechter, M. (1988). The contribution of rational choice theory to macrosociological research. *Sociological Theory* 6(2), 201-218.
- http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0708&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_02.htm
- Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor dan Nabilah Yusof. (2012). *Nikah Sindiket di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan, *Himpunan fatwa Mufti Kerajaan Kelantan*. Kota Bharu: Yayasan Islam Kelantan.
- Kamus Dewan*. (1998). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahamad Ariffin. (2007). Kahwin Lari: Masalah dan Penyelesaiannya. Dlm. Najibah Mohd Zin et al. *Undang-undang Keluarga* (Islam). Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Noraini Md. Hashim. (2003). Kahwin lari: satu tinjauan umum. *Seminar isu-isu mahkamah syariah iv*. Gombak : Uni. Islam Antarabangsa Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Norhayati Mohd Dahlal. (2008). Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia : Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa. *Jurnal Syariah* 16, 2.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor Darul Ehsan: Edusystem Sdn Bhd.
- Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. (1996). Formaliti dan prosedur perkahwinan. *Jurnal Syariah* 4, 2.